

28/02/2000

Ahli panel gagal kupas isu kritikal

Dr Am Taufik Ghazali

SANTAPAN minda yang dijanjikan oleh rancangan Wawancara di TV1 pada malam 12 Februari lalu berhubung cabaran dan hala tuju profesional muda Melayu dicatatkan oleh penghuraian dangkal ahli panelnya.

Walaupun sifat berdikari dan keupayaan membentuk masa depan sendiri penting, ahli panel - khususnya ahli akademik dan pengerusi forum - gagal mengenengahkan isu pokok.

Apakah objektif nilai murni itu? Adakah ia sekadar memastikan bahawa segala 'pelaburan' minda dan material anak Melayu berbaloi demi kepentingan peribadi? Atau adakah ia bagi memenuhi tuntutan memertabatkan agenda bangsa? Ahli panel gagal mengupas persoalan kritikal ini.

Profesional Melayu, sebagai golongan ilmuan harapan bangsa, mesti peka kepada cabaran sebenar kerana tanpanya mereka akan kecundang mengharungi pancaroba pada alaf kini.

Pengertian ini tidak memerlukan polemik filasuf, tetapi memadai dengan penghayatan amanat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad - di dalam perutusan sempena hari kemerdekaan lalu yang menekankan bahawa:

"Bukan kekuatan ketenteraan yang akan menyelamatkan kita. Yang akan menyelamatkan kita ialah kesedaran, kebolehan mengenal bentuk serangan yang akan datang dan penguasaan ilmu serta kecekapan dalam bidang teknologi zaman komunikasi bebas ini".

Justeru, cabaran sebenar kepada profesional Melayu merangkumi dua aspek penting yang menentukan survival bangsa, iaitu:

- * Mengetahui pasti ancaman kepada kedaulatan bangsa dan
- * Penguasaan ilmu dan kecekapan untuk menangani ancaman ini.

Semuanya berhubung kait dengan cabaran globalisasi dunia iaitu dunia tanpa sempadan yang membabitkan aspek ekonomi dan komunikasi bebas.

Profesional Melayu tidak boleh lagi membiarkan kerajaan bersendirian menghadapi ancaman ini, tetapi harus prihatin dan mendukung sepenuhnya segala usaha kerajaan dalam forum antarabangsa seperti Unctad, Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan sebagainya bagi mempertahankan benteng ekonomi dan politik negara.

Walaupun isu K-ekonomi diulas oleh ahli panel, isu yang tidak dibincangkan adalah paksaan liberalisasi pasaran tempatan oleh imperialis asing yang menekan industri kita, serta kecanggihan instrumen kewangan spekulatif yang memudahkan pengaliran bebas modal yang mengucar-kacirkan pasaran modal tempatan. Semuanya ini adalah isu penting yang menggugat kedaulatan ekonomi negara, lantas merencat agenda bangsa yang diperjuangkan oleh kerajaan.

Kewujudan komunikasi bebas - Internet dan multimedia - turut menuntut keprihatinan profesional Melayu kerana ia mengubah nilai peradaban bangsa dengan penerapan budaya sumbang yang bercanggah dengan tatasusila kita. Ini termasuk lunturnya sifat tahu bersyukur dan menghormati mereka yang lebih tua, di kalangan orang Melayu.

Ia meracuni idealisme golongan profesional dan muda Melayu dengan pelbagai slogan jumud seperti reformasi, demokrasinya liberal dan sebagainya yang memecah-belahkan bangsa dan memesongkan profesional Melayu dari agenda sebenar.

Dalam menghadapi segala ancaman yang canggih lagi tersirat ini, profesional Melayu tidak boleh lagi menghadkan minda mereka kepada kepakaran tertentu saja, tetapi wajib menguasai ilmu terkini - terutama teknologi maklumat (IT) yang mampu menjadikannya insan serba boleh yang

bersifat global.

Penguasaan IT oleh profesional Melayu juga akan membantu kerajaan dalam menyebarkan maklumat tepat dan cepat dikalangan masyarakat bagi menyanggah dakwah asing di samping meningkatkan patriotisme dan jati diri anak bangsa.

Dalam menghuraikan hala tuju pula, kita perlu berbalik kepada amanat Dr Mahathir iaitu menggunakan segala ilmu dan kecekapan yang ditimba untuk menyelamatkan bangsa, khususnya membentangi martabat agama dan bangsa agar kita tidak lagi diinjak seperti pada zaman penjajahan dulu.

Akhir kata, cabaran dan hala tuju profesional Melayu adalah isu kritikal yang menentukan jatuh bangun bangsa. Ia wajib dikupas dengan lebih mendalam, berserta rumusan jelas dan pragmatik, bukannya dendangan idea abstrak lagi akademik yang melenakan.

Sesungguhnya, gelaran profesional Melayu bukan lesen untuk memuaskan ego mahupun kepentingan peribadi, tetapi amanah untuk memacu dan menggerakkan agenda bangsa demi kelangsungan umat Melayu itu sendiri.